



GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisyp: Bisyp Datuk Melter Jiki Tais

Rektor: Archdekan Moses Chin



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | cclikas@gmail.com

Triniti 14 - 1 September 2024

Doa Hari Ini

Bapa Mahakuasa, yang hendak memulihkan segala sesuatu dalam Anak-Mu yang kekasih, Raja segala raja; perintahkan hati dan fikiran orang yang berkuasa, dan bawalah keluarga bangsa-bangsa, yang telah terpisah dan terpecah akibat rampasan dosa, untuk takluk kepada pemerintahan-Nya yang adil dan lemah lembut, Dia yang hidup dan memerintah dengan Engkau dan Roh Kudus, satu Allah, sekarang dan selamanya. Amin.

Injil - Markus 9:2-7

Pembacaan Berbalas-balas -
2 Raja-raja 2:1-12



**membangun
dan membaharui
hidup yang musnah**

- Yesaya 61:4

Minggu Vokasi Diosis

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.**:

- YouTube: [https://www.youtube.com/](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

[@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke dalam perkumpulan umat Tuhan.
Kita bersama-sama beribadah kepada Tuhan Yesus yang telah pun bangkit, dan mendorong satu sama lain untuk mentaati-Nya.

1. BERDOA UNTUK NEGARA KITA

Selamat Hari Kebangsaan & Selamat Hari Sabah. Kita bersyukur kepada Tuhan yang baik untuk negara yang indah dan penduduk yang ramah. Kita berdoa agar kepimpinan yang saleh akan dipakai Tuhan untuk menerajui negara ini ke arah keamanan, keharmonian dan kemakmuran yang lebih besar.

Hari ini, Rektor kita melawat Gereja Anglikan Christ the King, di Taman Kingfisher. Lorraine turut bersamanya.

Pejabat gereja akan ditutup selama dua hari, 2-3 September. Akan dibuka semula pada Rabu, 4 September. Untuk keperluan pastoral yang mendesak, sila hubungi talian pelayanan kami: 019-661 1558.

2. ACARA MALAM INI - 'KONSERT BERSAMA JUN & TIM'

Pada pukul 6:00 petang. Acara ini menampilkan Saudara Jun, seorang artis Kristian tempatan, bersama kumpulannya. Lagu-lagu mereka popular berlegar dalam media sosial. Penyanyi dan penari Christ Church juga akan ditampilkan. Kemasukan adalah percuma. Pemberian persembahan sukarela amat dialu-alukan. Kami juga mengalu-alukan jemaat dari gereja lain.



3. TEROKAI KRISTIANITI

Lebih 100 orang meluangkan 'hari-riadah' kelmarin di Puncak Doa Kokol. Banyak yang telah kami pelajari sepanjang kursus selama 10 minggu ini. Ramai peserta merasakan iman mereka dikuatkan, dan lebih bersedia untuk memperkenalkan Yesus kepada rakan dan orang yang mereka kasihi.



4. SINOD 2024

Terima kasih kerana berdoa. 180 wakil dari semua gereja di seluruh diosis yang begitu sehati, sefikir dan semangat, dalam misi mereka. Beberapa sorotan:

- Bisyop inginkan agar seluruh diosis 'menjadi berkat' seperti yang diperincikan seperti yang berikut:
 - Tindakan 113 2.0 - setiap gereja membangun jemaat baru, atau gereja baru, dalam 3 tahun akan datang;
 - Pendidikan - bangkitkan generasi muda melalui tadika, sekolah misi, sekolah visi dan akademi;

- Kerja Sosial - menjangkau golongan miskin dan memerlukan;
- Keharmonian Negara - membina hubungan yang lebih baik dengan sesama kita. Setiap gereja mempamerkan 'Rukun Negara'.
- Sinod memutuskan untuk membuat persempadanan di dalam Diosis Sabah, tiga 'Diosis Kawasan', iaitu Diosis Sabah Kawasan Barat, Diosis Sabah Kawasan Timur, dan Diosis Sabah Kawasan Selatan.
- Tahniah kepada:
 - Ps. Margaret Chong - dipilih menjadi ahli Jawatankuasa Tetap Diosis dan Jawatankuasa Tetap Provinsi
 - Puan Nar Chin Keow - dilantik semula sebagai Pendaftar Diosis
 - Archdeacon Moses Chin - sebagai ahli tetap (atau ex-officio) dalam Jawatankuasa Tetap.

5. 'ALLAH ELIA'

Kita mengakhiri siri khutbah hari ini, dengan topik 'Tuhan Memerintah', mengenai kenaikan hamba-Nya, Elia ke Syurga.

6. KONFERENSI-KONFERENSI DIOSIS

- 15-17 Sep - **Konferensi Doa 'Penerobosan'**, dalam BC & BI, di Katedral All Saints. Lebih daripada 400 orang sudah mendaftar.
- 16-18 Sep - **Latihan Pemimpin Awam (LPA)**, di Telupid. Lebih daripada 450 orang sudah mendaftar.
- 19-21 Sep - **Khemah Muda-mudi BM**, di Telupid. Lebih daripada 850 anak muda sudah mendaftar.



7. PELAYANAN-PELAYANAN YANG LAIN

- **Jawatan kosong** di ARK:
 - Pembantu dapur.
 - Pencuci pakaian & Pembersihan.
 Jika berminat, sila hubungi Admin - 016-818 9013.
- Gubahan bunga untuk hari ini disumbangkan oleh keluarga Wu.

8. PROJEK LABUR - terima kasih!!

Terkini: RM116,895/- Minggu lepas: RM1,560/- masih diperlukan: RM483,105/-

UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN
RHB Bank | 2-10103-0001913-1
Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



DIPULIHKAN DAN DIBINA SEMULA

Bisyp Kenneth Thien, Pengerusi Jawatankuasa Panggilan & Pemilihan Diosis

Dalam mesyuarat Synod Diosis Ke-33, Synod telah sebulat suara meluluskan sebuah resolusi untuk persempadanan 3 Diosis Kawasan di dalam Diosis Sabah. Ini merupakan sebuah gerakan yang bersejarah bagi Diosis. Apabila Diosis berkembang, permintaan terhadap pelayanan juga turut bertambah dengan sewajarnya. Sudah tiba masanya untuk menyusun semula struktur dalam Diosis bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam melaksanakan misi gereja.

Kita, gereja, diselamatkan oleh Yesus, dipanggil sebagai Tubuh Kristus. Kita adalah pernyataan bagi kehendak dan hati Kristus di bumi ini. Kita akan meneruskan misi Yesus di bumi, sehinggalah kepenuhan Kerajaan-Nya datang. Misi Yesus digambarkan dengan cara berikut:

"1 Roh Tuhan ALLAH ada padaku, oleh karena TUHAN telah mengurapi aku; Ia telah mengutus aku untuk menyampaikan kabar baik kepada orang-orang sengsara, dan merawat orang-orang yang remuk hati, untuk memberitakan pembebasan kepada orang-orang tawanan, dan kepada orang-orang yang terkurung kelepasan dari penjara, 2 untuk memberitakan tahun rahmat TUHAN dan hari pembalasan Allah kita, untuk menghibur semua orang berkabung, 3 untuk mengaruniakan kepada mereka perhiasan kepala ganti abu, minyak untuk pesta ganti kain kabung, nyanyian puji-pujian ganti semangat yang pudar, supaya orang menyebutkan mereka "pohon tarbantin kebenaran", "tanaman TUHAN" untuk memperlihatkan keagungan-Nya. (Yesaya 61:1-3 TB).

Yesus datang untuk menyelamatkan, menyembuhkan, membebaskan dan memulihkan kita untuk menjadikan kita Gereja-Nya, "... supaya orang menyebutkan mereka "pohon tarbantin kebenaran", "tanaman TUHAN" untuk memperlihatkan keagungan-Nya" (Yesaya 61:3). Gereja telah ditugaskan untuk memulihkan dan membina semua kehidupan yang telah dirosakkan oleh dosa melalui pemberitaan Kerajaan Allah dan mesej penyelamatan. 4 Mereka akan membangun reruntuhan yang sudah berabad-abad, dan akan mendirikan kembali tempat-tempat yang sejak dahulu menjadi sunyi; mereka akan membaharui kotakota yang runtuh, tempat-tempat yang telah turun-temurun menjadi sunyi. (Yesaya 61:4)

Diosis Sabah komited terhadap tugas ini, yang datang daripada Tuhan. Kita memerlukan segala macam sumber-sumber untuk melaksanakan tugas ini sehingga Yesus datang kembali. Kita memerlukan lelaki dan wanita yang mengasihi Allah untuk memberi tindak balas terhadap panggilan Allah dalam kehidupan mereka untuk melayani Tuhan dalam pelbagai kapasiti pelayanan baik di gereja mahupun di tempat kerja. Marilah kita berdoa kepada Tuhan yang empunya tuaiannya supaya mengutus pekerja-pekerja ke dalam ladang tuaiannya. Mari sertai usaha kita untuk membangkitkan sumber tenaga kerja dan kewangan yang diperlukan dalam misi kita. Marilah kita bersedia dan rela dipakai oleh Allah untuk meluaskan Kerajaan-Nya - untuk memulihkan dan membangun semula!

UNTUK DIDOAKAN

Dunia kita yang tercinta

- berdoa untuk keamanan dunia; khususnya, di Timur Tengah
[agar negara yang terlibat perang akan berusaha untuk melindungi orang awam dan bukan memusnahkan nyawa mereka]

Diosis kita yang dikasihi

- berdoa agar semua gereja dapat melaksanakan perihal Perutusan Bisyp di Sinod
[supaya kita dapat menjangkau lebih ramai jiwa]

Diri kita sendiri

- berdoa untuk Konsert CCL malam ini
[supaya ramai orang akan datang dan terdorong untuk terus semangat menyembah Tuhan]

- berdoa untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.